

01 NOV 1997

Mahathir-Kanada

PERDANA MENTERI KE KANADA SELAMA LAPAN HARI MULAI 19 NOV

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di Kanada selama lapan hari mulai 19 Nov untuk lawatan rasmi dan menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec).

Menurut jurucakap Jabatan Perdana Menteri hari ini, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya Jean Chretien selepas upacara sambutan tetamu negara di Bangunan Parlimen, di ibu negara Kanada itu pada 20 Nov.

Pada sebelah malam, beliau akan diraikan pada majlis jamuan negara dan keesokannya akan menyampaikan ucapan dasar mengenai Koridor Raya Multimedia diikuti majlis dialog dengan para usahawan dan pegawai kerajaan negara itu.

Jurucakap itu berkata pada sebelah petang hari yang sama, Dr Mahathir dijangka berucap pada dialog ahli-ahli perniagaan Kanada dan Malaysia sebelum bertemu dengan para pelajar Malaysia di negara itu.

Pada 21 Nov, Perdana Menteri dijadual menyampaikan satu lagi ucapan dasar bagi mengetengahkan konsep perkongsian pintar pada satu jamuan malam.

Esoknya, Dr Mahathir akan melawat kilang peralatan perhubungan Bell Atlantic sebelum berlepas ke Vancouver menghadiri persidangan ketua-ketua negara Apec.

Di kota yang terletak di pantai barat Kanada itu, Perdana Menteri akan berucap pada sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan itu pada 23 Nov, selain mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin negara.

Dr Mahathir akan menghadiri dialog Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) dengan ketua-ketua negara keesokan harinya sebelum menyertai ketua-ketua negara lain untuk berehat sambil melawat Muzium Antropologi, Universiti British Columbia.

Perdana dijadual berlepas pulang pada 26 Nov dan dijangka singgah di Tokyo selama dua hari dalam perjalanan ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MFJ RON